

## PENERIMAAN FATWA DALAM KALANGAN MASYARAKAT MUSLIM MALAYSIA: SATU TINJAUAN LITERATUR

*Acceptance of Fatwa among Malaysian Muslim Society: A Literature Review*

Mohd Harifadilah Bin Rosidi<sup>i</sup>, Ahmad Wifaq Bin Mokhtar<sup>ii</sup> & Mohd Nasir Bin Abdul Majid<sup>iii</sup>

<sup>i</sup>Calon Ph.D, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
 71800 Nilai, Negeri Sembilan, [harifadilahrosidi@gmail.com](mailto:harifadilahrosidi@gmail.com)

<sup>ii</sup>Professor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
 71800 Nilai, Negeri Sembilan, [wifaq@usim.edu.my](mailto:wifaq@usim.edu.my)

<sup>iii</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
 71800 Nilai, Negeri Sembilan, [nasirmajid08@usim.edu.my](mailto:nasirmajid08@usim.edu.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Peranan fatwa dalam masyarakat Malaysia tidak tersangkal pentingnya sehingga institusi fatwa bukan sehaja diwujudkan bagi setiap negeri malah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan juga ditubuhkan bagi peringkat persekutuan. Sehingga hari ini sudah banyak fatwa yang telah diputuskan di peringkat negeri mahupun kebangsaan namun sejauh manakah tahap penerimaan masyarakat terhadap fatwa tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyoroti kajian lepas berkaitan penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Kaedah penyelidikan kualitatif melalui reka bentuk kajian analisis kandungan digunakan. Data yang dikumpul daripada bahan seperti buku, artikel dalam jurnal, prosiding, tesis dan disertasi dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan tahap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia masih rendah dengan tiga faktor utama iaitu penyampaian fatwa, penjelasan fatwa dan penulisan fatwa. Di</i></p>	<p><i>The role of fatwas in Malaysian society is undeniably important so that the fatwa institution is not only formed for each state but the Fatwa Committee of the National Council is also established for the federal level. Until today, many fatwas have been decided at the state and national levels, but to what extent is the level of society acceptance of the fatwa. Thus, this article aims to highlight past studies related to the acceptance of fatwas among the Muslim society in Malaysia. Qualitative research methods through content analysis study design are used. Data collected from materials such as books, articles in journals, proceedings, theses and dissertations were analyzed descriptively. The results show that the level of fatwa acceptance among the Muslim society in Malaysia is still low due to three main factors, which are unreachable fatwas to the knowledge of the society, confusion over fatwas and fatwa discussions as well as fatwa references are not included in detail. At the end of the study, the researchers submitted some suggestions to improve the</i></p>

<p><i>akhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan untuk memperbaiki tahap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Malaysia</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> Tinjauan literatur, penerimaan, fatwa, Malaysia</p>	<p><i>level of fatwa acceptance among the Malaysian society.</i></p> <p><b>Keywords:</b> Literature Review, acceptance, fatwa, Malaysia,</p>
---	--

## PENDAHULUAN

Secara umumnya, fatwa merujuk kepada kenyataan atau jawapan ulama yang diiktiraf keilmuan agamanya oleh masyarakat terhadap persoalan yang dibangkitkan (al-Qaradawi, 1988; al-Zuhayli, 1996). Fatwa secara teknikal pula adalah teks atau pernyataan yang dijawab oleh seorang mufti ataupun penjelasan sesuatu hukum Shariah terhadap isu-isu tertentu (al-Zaybari, 1995; Rahman, 2002; Gilani, 2011; Ibrahim et al., 2015). Sementara itu, penggunaan istilah fatwa dalam masyarakat Malaysia sudah tidak asing lagi. Kewujudan 14 institusi fatwa mewakili negeri-negeri di Malaysia yang diketuai oleh seorang mufti dan sejumlah ahli jawatankuasa fatwa negeri dengan latar belakang serta pengalaman yang berbeza berperanan untuk mengeluarkan fatwa menjawab persoalan dan permasalahan yang dibangkitkan. Perkembangan institusi fatwa selari dengan perkembangan isu dan permasalahan masyarakat yang semakin bertambah maju menjadikan institusi fatwa sebagai platform terpenting dalam memenuhi tuntutan keperluan masyarakat Muslim (Rahman, 2002). Berdasarkan amalan oleh institusi-institusi fatwa di Malaysia, fatwa dikategorikan kepada tiga iaitu fatwa rasmi, fatwa tidak rasmi dan pandangan mufti (Buang, 2000). Fatwa diwartakan adalah keputusan mufti dan ahli jawatankuasa fatwa yang telah mendapat perkenan sultan untuk mewartakan fatwa tersebut. Bagi sesetengah negeri pula, fatwa tersebut perlu mendapat mendapat kelulusan Ahli Mesyuarat Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri mewartakannya melalui warta kerajaan untuk mengiktirafkannya sebagai undang-undang yang mengikat semua orang Islam yang bermaustatin di negeri berkenaan (Buang, 2000). Sementara itu fatwa yang tidak diwartakan dianggap kekal sebagai pandangan mufti untuk rujukan dan pengetahuan hukum semata-mata (Nasohah, 2005).

Sehingga hari ini sudah banyak fatwa yang telah diputuskan oleh institusi-institusi fatwa Malaysia. Fatwa-fatwa tersebut merangkumi bidang yang pelbagai. Pembahagian kategori fatwa dan jumlah fatwa yang telah diwartakan dan tidak diwartakan boleh dilihat dalam jadual 1. Walaupun sudah banyak fatwa telah diputuskan malah fatwa yang diwartakan mempunyai kuasa undang-undang terhadap individu yang mengingkarinya, namun kajian berkenaan penerimaan fatwa dankekangan dalam

mengamalkan fatwa di Malaysia masih lagi berkurangan. Sehubungan itu, kajian ini akan melakukan tinjauan literatur untuk mengenal pasti tahap penerimaan masyarakat muslim Malaysia terhadap fatwa-fatwa yang telah diputuskan.

Jadual 1: Kategori dan jumlah fatwa di Malaysia

Bil	Kategori	Fatwa Diwartakan	Fatwa tidak Diwartakan
1	Aqidah	208	162
2	Ibadah	10	165
3	Makan dan Minum	3	35
4	Munakahat	15	54
5	Perubatan	10	53
6	Zakat	27	120
7	Pentadbiran	0	3
8	Haiwan	6	25
9	Jenayah	0	6
10	Muamalat/Ekonomi	27	126
11	Pakaian	2	11
12	Sosial/Syariah	64	267
13	Lain-lain	6	51
Jumlah		383	1078

Sumber: Jakim (2021)

## METODOLOGI KAJIAN

Penggunaan metodologi penyelidikan sangat penting dalam menghasilkan sesebuah kajian yang bersifat ilmiah. Penyelidikan bermutu tinggi terhasil daripada sebuah penyelidikan yang menggunakan metodologi kajian yang tepat dan bersesuaian dengan objektif kajian. Tinjauan literatur atau sorotan kajian lepas adalah suatu penelitian yang sistematik untuk mengenali, menilai dan mentafsir hasil-hasil penulisan oleh penyelidik, para sarjana dan juga pengamal dalam bidang berkaitan dengan permasalahan yang hendak dikaji (Fink, 1998). Dalam pengertian lain, tinjauan literatur merupakan sebuah penelitian kepustakaan dengan melakukan pembacaan ke atas sejumlah buku, jurnal, dan terbitan-terbitan lain yang berkaitan dengan topik penelitian, untuk menghasilkan satu tulisan berkenaan dengan satu topik atau isu tertentu (Marzali, 2016). Tujuan utama tinjauan literatur ialah bagi memahami masalah yang akan dikaji serta mengenalpasti kelemahan yang wujud terhadap isu tersebut (Blanche & Durheim, 1999). Kajian ini merupakan sebuah tinjauan literatur yang dianalisis dengan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan adalah teknik penyelidikan dengan membuat kesimpulan secara sistematis melalui data dalam bentuk dokumen (Krippendorff, 2004).

## TINJAUAN LITERATUR

### Penerimaan Fatwa dalam Kalangan Masyarakat Islam Malaysia

Secara umumnya, kajian-kajian lepas menunjukkan tahap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Malaysia terbahagi kepada dua tahap iaitu rendah dan semakin bertambah baik. Kajian-kajian oleh Othman Ishak (1981), Abdullah (2004), Kasan (2008), dan Shamsudin et al (2018) menunjukkan bahawa penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat berada pada tahap yang rendah. Manakala kajian oleh Rahman et al. (2016), Buang & Che Rosli (2017) dan Shamsudin et al, (2018) menunjukkan tahap penerimaan masyarakat yang semakin baik terhadap fatwa. Kajian bermula dengan temubual Othman Ishak (1981) terhadap beberapa individu seperti mufti-mufti, qadhi-qadhi dan ahli akademik menunjukkan bahawa tahap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya oleh pegawai-pegawai kerajaan adalah rendah. Terdapat juga sebahagian masyarakat yang menerima fatwa keseluruhannya dan ada yang menerima sebahagian dan menolak sebahagian yang lain (Abdullah, 2004; Hasnan, 2008). Lebih parah lagi ada sebahagian masyarakat yang mempersoalkan kesahihan pandangan mufti mengenai beberapa isu seperti pengharaman Pokemon Go, Fatwa Pulau Pinang, DAP sebagai 'kafir harbi', GST, pengharaman pertubuhan Sister in Islam, pertandingan ratu cantik malah mempertikaikan kesahan fatwa tersebut di mahkamah (Kamarudin et al., 2017; Rahman et al., 2018). Walaupun penolakan terhadap fatwa yang diputuskan ini hanya melibatkan sebahagian kecil dalam kalangan masyarakat namun ianya memberi gambaran bahawa wujud kecenderungan masyarakat untuk menolak fatwa keluaran institusi fatwa di Malaysia (Ashaari et al., 2019).

Penerimaan fatwa bagi institusi kehakiman di Malaysia dilihat lebih neutral, Mahkamah Syariah mengiktiraf kedudukan fatwa negeri seperti yang diperuntukkan oleh enakmen pentadbiran agama negeri-negeri namun hakim mahkamah syariah tidak terikat dengan fatwa negeri malah bebas melakukan ijтиhadnya sendiri (Mat Salleh et al., 2016). Disebabkan kebebasan oleh hakim syarie untuk melakukan ijтиhadnya sendiri dalam penghakiman, jadi terdapat beberapa penghakiman yang diputuskan oleh hakim syarie bercanggah dengan fatwa yang telah diputuskan oleh institusi fatwa. Pada masa yang sama, terdapat juga kes-kes mahkamah Syariah yang tidak menjadikan fatwa dan pendapat mufti sebagai autoriti penghakiman walaupun terdapat fatwa yang relevan yang boleh dirujuk oleh hakim syarie. Namun demikian, mahkamah syariah juga ada menerima fatwa sebagai rujukan penghakiman dalam beberapa kes. Menurut Mat Salleh et al. (2016) terdapat lima corak penerimaan fatwa sebagai autoriti di mahkamah syariah iaitu; 2 kes Hakim Syarie telah menerima keputusan fatwa negeri masing-masing, 2 kes Hakim Syarie menerima keputusan fatwa negeri lain, 2 kes Hakim Syarie menerima

fatwa Negeri dan Fatwa kebangsaan, 2 kes Hakim Syarie menerima fatwa Kebangsaan sahaja sebagai rujukan berautoriti dan 5 kes Hakim Syarie menerima Fatwa yang tidak diwartakan sebagai rujukan berautoriti. Kesemua corak penerimaan fatwa dan penolakan fatwa adalah berdasarkan ijтиhad semasa oleh hakim syarie yang memutuskan keputusan untuk kes-kes tertentu.

Selain Mahkamah Syariah, Mahkamah civil juga tidak terikat untuk menerima atau menolak sesuatu fatwa yang telah diwartakan di sesebuah negeri (Bakar, 1997; Shuaib, 2010; Buang, 2012; Md Yusof & Wook, 2017; Mat Salleh et al., 2018). Namun mahkamah civil boleh membuat rujukan terhadap fatwa atau merujuk kepada pihak berkuasa fatwa untuk mendapatkan keputusan berkaitan sesuatu isu tertentu apabila ia membicarakan permohonan untuk mendapatkan suatu perintah yang bukan berada di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah. Malah Mahkamah civil dalam banyak kes menghormati fatwa-fatwa yang bukan sahaja terhad kepada fatwa yang diwartakan, tetapi melangkaui kepada fatwa-fatwa yang tidak diwartakan, pandangan-pandangan mufti dan keputusan Jawatankuasa Syariah yang tidak bersifat fatwa (Md Yusof & Wook, 2017, Mat Salleh et al., 2018). Mahkamah civil juga akan merujuk fatwa jika melibatkan kes-kes penentuan penentuan sesuatu isu dari sudut perundangan Islam (Md Yusof & Wook, 2017).

Walaubagaimanpun, kajian-kajian terkini terhadap persepsi dan penerimaan masyarakat terhadap fatwa melalui media menunjukkan tahap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia semakin bertambah baik (Rahman et al., 2016; Buang & Che Rosli, 2017; Shamsudin et al, 2018). Dengan menggunakan model penerimaan yang berasal dari Hans Robert Jouss pada akhir tahun 1960-an, Rahman et al. (2016) mendapati bahawa majoriti Muslim dari Kuala Lumpur dan Selangor bersetuju dengan sebarang fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa yang dilaporkan di media massa Malaysia. Selain daripada itu, kajian Buang & Che Rosli (2017) terhadap 100 pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya mendapati bahawa kebanyakannya pelajar universiti berpuas hati dengan pengurusan dan keputusan fatwa di negeri Selangor kerana kemudahan mengakses bahan fatwa dengan menggunakan teknologi. Bahkan 92% responden bersetuju dengan penyebaran fatwa melalui teknologi terkini seperti sms, email, laman sosial dan sebagainya. Lanjutan daripada itu, Shamsudin et al. (2018) dalam tinjauan awal mendapati majoriti responden mengetahui kepentingan fatwa sebagai penjelasan hukum hakam syarak malah 90% responden memilih sangat bersetuju dan bersetuju terhadap penyampaian fatwa Selangor dengan menggunakan media atas talian membantu dalam mengetahui berkenaan dengan fatwa negeri Selangor. Namun demikian, hanya sebilangan kecil dalam kalangan mereka yang cakna tentang fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan

Mufti Selangor bahkan majoriti daripada mereka langsung tidak mengikuti perkembangan terkini fatwa negeri Selangor. Menyedari hakikat di atas, faktor terpenting yang dirumuskan oleh pengkaji-pengkaji tersebut adalah saluran penyampaian maklumat fatwa yang cepat dan berkesan boleh meningkatkan kefahaman dan penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat (Rahman et al., 2016; Buang & Che Rosli, 2017; Shamsudin et al, 2018).

### **Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan fatwa di Malaysia**

Setelah melakukan tinjauan literatur terhadap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia, pengkaji mengumpulkan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan fatwa oleh masyarakat Muslim Malaysia seperti yang dibahaskan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Antara faktor yang menyebabkan tahap penerimaan fatwa itu rendah adalah maklumat Fatwa tidak sampai kepada pengetahuan masyarakat (Kasan, 2008). Golongan masyarakat yang tidak menerima keputusan fatwa sering mendakwa mereka tidak mengetahui wujudnya fatwa sedemikian (Kasan, 2008). Alasan fatwa tidak sampai juga pernah digunakan sebagai hujah oleh pesalah jenayah syariah untuk mempertahankan diri dalam perbicaraan di mahkamah syariah. Dalam kes *Pegawai Syarie v. Fahyu Hanim Ahmad, Noni Mohammad and Sharina Shaari* (1997), hakim memutuskan untuk tidak menerima alasan tertuduh bahawa mereka tidak mengetahui wujudnya fatwa larangan menyertai pertandingan ratu cantik bagi negeri Selangor. Kes ini juga telah mendapat perhatian Menteri Besar Selangor ketika itu iaitu Datuk Abu Hassan Omar dengan mengesa supaya fatwa larangan menyertai pertandingan ratuk cantik disebar luaskan dan difahamkan kepada masyarakat di Negeri Selangor (New Straits Times, 20 Julai 1997). Walaupun kes ini telah lama berlalu, namun beberapa kajian terkemudian menunjukkan bahawa masih ramai individu yang tidak tahu akan kewujudan sesuatu fatwa yang telah diputuskan di peringkat negeri masing-masing apatahlagi di peringkat kebangsaan. Sebagai contoh, kajian oleh Rahman et al. (2016) mendapati kebanyakan responden menjawab tidak tahu atau tidak berminat untuk tahu terhadap penguatkuasaan fatwa setelah digazetkan oleh institusi fatwa negeri. Begitu juga dengan soal selidik oleh Irwan et al. (2017) yang mendapati 70% daripada 1200 responden tidak tahu dan tidak pasti terhadap beberapa fatwa yang telah diputuskan.

Selain sikap masyarakat yang tidak berminat untuk mengambil tahu, kepentingan peribadi juga menjadi faktor penerimaan atau penolakan sesebuah Fatwa di Malaysia (Ishak, 1981; Abdullah, 2004; Kasan, 2008; Buang & Che Rosli, 2017). Contohnya, pewartaan fatwa pengharaman rokok dan

rokok elektronik di beberapa buah negeri di Malaysia serta pengharaman penyalahgunaan hasil daripada pokok ketum adalah antara fatwa-fatwa yang diabaikan oleh masyarakat disebabkan faktor kepentingan peribadi (Rahman et al, 2018). Kajian Yong et al. (2009) ke atas 1482 individu Muslim Malaysia secara soal selidik mendapati hanya 8% responden berpegang kepada fatwa haram merokok manakala 76% responden berpandangan merokok hanyalah sekadar tidak digalakkan dalam Islam. Selain daripada itu, kajian kesan fatwa pengharaman rokok terhadap tabiat merokok dalam kalangan pelajar universiti oleh Elkalmi et al. (2016) dengan menjadikan 323 pelajar muslim dari Fakulti Sains Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sebagai responden menunjukkan 82.1% pelajar yang merokok sedar wujudnya fatwa pengharaman merokok oleh jabatan-jabatan mufti negeri namun hanya 64.3% dalam kalangan perokok bersetuju dengan fatwa tersebut manakala selebihnya tidak bersetuju malah mendakwa merokok tidak membahayakan kesihatan dari sudut sains sekaligus tidak sewajarnya dihukumkan sebagai haram. Bagi responden bukan perokok pula, sebanyak 77.7% dari mereka cakna kewujudan fatwa pengharaman rokok malah 94% bersetuju fatwa tersebut. Sehubungan dengan itu, dapatan-dapatkan ini mengukuhkan lagi hasil kajian Kasan (2008) dan Buang & Che Rosli (2017) bahawa kepentingan peribadi juga memainkan peranan penting dalam penerimaan dan penolakan sesebuah fatwa di Malaysia.

Seterusnya, tiada pelarasan fatwa antara negeri membawa kepada kekeliruan terhadap sesuatu fatwa di Malaysia (Ishak, 1981; Abdullah, 2004; Yong et al., 2009; Asuhaimi et al., 2017). Bahkan juga fatwa yang berbeza di setiap negeri dalam Malaysia akan menyumbang kepada salah faham dalam konteks penerapannya sehingga menyebabkan kesukaran pelaksanaannya dalam kalangan masyarakat (Asuhaimi et al., 2017; Rahman et al., 2018). Lebih-lebih lagi ketidakselarasan fatwa berlaku pada isu-isu yang melibatkan kepentingan masyarakat Islam di Malaysia. Sebagai contoh, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang ke-80 yang bersidang dari 1 hingga 3 Februari 2008 memutuskan bahawa pelaburan amanah saham berhad (ASB) dan amanah saham nasional (ASN) adalah harus manakala dividen dan bonus juga dibenarkan. Namun demikian, keputusan fatwa oleh Jabatan Fatwa Selangor dan Penang mendapati sebaliknya. Kesannya, percanggahan fatwa ini menjadi kontroversi dalam kalangan pelabur-pelabur Muslim yang berpegang teguh dengan prinsip halal dan haram dalam Islam sekaligus menyebabkan mereka menarik diri dari melabur dalam skim pelaburan anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) tersebut. Walaubagaimanapun, ketidakselarasan dalam isu ini berakhir apabila Jabatan Fatwa Selangor pada 27 April 2017 dan Jabatan Fatwa Penang pada 15 Ogos 2017 mempertimbangkan semula keputusan fatwa terdahulu dengan mengharuskan skim pelaburan tersebut (Berita Harian, 16 October 2020).

Selain itu, ketidakselarasan fatwa juga berlaku pada fatwa ESQ Leadership Training. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 16 Jun 2010 memutuskan bahawa ESQ tidak bertentangan dengan akidah dan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah (Mstar, 16 October 2020). Sebaliknya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mengharamkan modul program motivasi anjuran ESQ tersebut kerana mendakwa ajarannya didapati menyeleweng daripada akidah dan syariat Islam dengan mencampur adukkan ajaran kerohanian bukan Islam dengan Islam selain menekankan konsep suara hati sebagai sumber rujukan utama dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu perbuatan serta mengingkari mukjizat dan menganggapnya tidak dapat diterima akal dan tidak sesuai dengan zaman sekarang (Malaysiakini, 16 October 2020). Sehubungan dengan itu, Dato' Haji Wan Zahidi Mufti Wilayah Persekutuan ke-6 menandatangani warta yang mengharamkan modul program motivasi itu pada 10 Jun 2010 mengikut subseksyen 34 (1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Pada masa yang sama juga, sebarang aktiviti yang melibatkan ESQ dilarang daripada dijalankan di negeri Perlis (Jakim, 16 October 2020). Natijahnya, sudah tentu ketidakselarasan ini menjadi kekeliruan kepada masyarakat malah akan menyebabkan masyarakat lebih cenderung untuk mengabaikan fatwa-fatwa yang bercanggah ini (Abdullah, 2004; Buang, 2012; Rosele et al., 2013; Buang, 2016; Asuhaimi et al., 2017; Rahman et al., 2018).

Selain daripada itu, institusi fatwa sepatutnya menyebarkan keputusan fatwa lengkap dengan kertas perbincangan beserta rujukan fatwa untuk bacaan dan rujukan masyarakat. Hal ini mampu menambahkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap fatwa yang telah diputuskan (Buang 2012; Buang, 2016). Setiap fatwa yang dikeluarkan mesti disertakan dengan penjelasan dan disokong oleh dalil-dalil dari sumber perundangan Islam. Apatah lagi hujah dalil serta sebab (illah) wajib disertakan dalam proses mengeluarkan fatwa (Al-Qaradhawi, 1988). Sekiranya fatwa datang dalam bentuk yang sangat mudah, kesannya boleh menimbulkan keraguan terhadap pihak-pihak tertentu terutama kepada masyarakat yang benar-benar memerlukan penjelasan yang jelas terhadap isu-isu penting (Salwa, 2003; Nawi, 2014). Tambahan pula fatwa yang dikeluarkan tanpa dalil-dalil perbahasan dan rujukan-rujukan yang jelas akan menyebabkan sebahagian masyarakat lebih cenderung untuk menolaknya (Kasan, 2008; Buang 2012). Lebih-lebih lagi dalam meniti arus perkembangan dunia intelektual hari ini, masyarakat lebih cenderung untuk berlumba-lumba menuntut ilmu dan mempunyai sikap untuk mengetahui hujah-hujah bagaimana sesuatu fatwa itu diputuskan oleh institusi fatwa (Suratem et al., 2015). Bersesuaian juga dengan tujuan fatwa sebagai jawapan kepada persoalan hukum dan penjelasan kepada dalil syarak, fatwa hendaklah dijelaskan dengan secukupnya agar difahami oleh masyarakat dengan maksud yang sebenar (Al-Qaradhawi, 1988).

Selanjutnya, penghasilkan fatwa boleh menjadi lebih menarik dan bermanfaat sekiranya penjelasan hikmah dan 'illah yang menjadi asas penentuan sesuatu hukum fatwa disertakan bersama yang akan mengukuhkan keputusan fatwa tersebut dan memudahkan penerimaannya oleh masyarakat hari ini yang mementingkan logik akal dalam menerima sesuatu (Bakar, 1997; Rahman, 2003). Malangnya jika dilihat dari sudut praktikal, sesetengah institusi fatwa hanya menukilkan pandangan fiqh terdahulu tanpa disertakan dengan alasan dan justifikasinya malah sesetengah nukilan juga tidak bertepatan dengan isu fatwa yang dibahaskan (Shah, 2013). Disebabkan hal ini, terdapat kritikan oleh ahli akademik terhadap institusi fatwa di Malaysia. Dari satu sudut, kritikan oleh ahli akademik terhadap fatwa rasmi bukanlah bermaksud penolakan terus terhadap keputusan fatwa tersebut sebaliknya boleh dianggap sebagai proses memperkasakan dan memperkuatkan kualiti fatwa dalam sudut ilmiah (Majid, 2004). Namun demikian, kritikan yang diberi masyarakat khususnya daripada kalangan intelektual berlatar belakangkan pengajian Islam dibuat kerana kaedah dan proses memutuskan fatwa pada pandangan mereka adalah tidak memuaskan (Buang, 2016). Ini secara tidak langsung membentarkan dapatan kajian Kasan (2008) bahawa individu yang berpendidikan rendah dan tinggal di luar bandar dilihat lebih menerima fatwa berbanding individu yang berpendidikan tinggi dan tinggal di kawasan bandar meskipun kajian oleh Rahman et al. (2016) mendapatkan bahawa individu yang berpendidikan tinggi mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi berkenaan fatwa berbanding dengan individu berpendidikan rendah.

## PERBINCANGAN

Setelah melakukan tinjauan literatur terhadap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia, pengkaji merumuskan 3 faktor utama yang mempengaruhi tahap penerimaan tersebut iaitu penyampaian fatwa, penjelasan fatwa dan penulisan fatwa.

### Penyampaian fatwa

Seperti mana yang sedia maklum, fatwa yang diwartakan di Malaysia bukanlah sekadar pandangan terhadap sesuatu isu berbangkit, malah fatwa tersebut mengikat dan menjadi sebahagian daripada undang-undang Islam bagi negeri berkenaan. Sehubungan dengan itu, keputusan fatwa sepatutnya disebar luaskan kepada masyarakat Muslim bagi negeri berkenaan supaya keputusan fatwa tersebut diikuti dan dipatuhi setiap masa. Instrumen penyampaian fatwa yang lemah dan tidak berkesan membawa kepada kegagalan hebatan fatwa tersebut sekaligus menyebabkan masyarakat tidak tahu kewujudan sesuatu fatwa. Sungguhpun Jabatan-Jabatan Fatwa Negeri telah berusaha mencetak dan menyebarkan keputusan fatwa untuk tontonan, bacaan dan pengetahuan masyarakat namun cetakan fatwa tersebut tidak disebar luas sebaliknya hanya diletakkan di kawasan masjid negeri, sekolah,

universiti, agensi kerajaan atau swasta (Ismail, 2010). Menurut Nawi (2014) hanya negeri Perak, Terengganu dan Perlis telah mendokumentasikan fatwa yang dikeluarkan dalam bentuk risalah atau brosur untuk diedarkan kepada orang ramai dari masa ke semasa. Sementara itu, pengumpulan fatwa di laman web Jabatan fatwa negeri dan laman e-fatwa hanya berjaya menarik segelintir kalangan masyarakat untuk membacanya sahaja (Ismail, 2010). Dengan keadaan sedemikian, kajian Raihanah Abdullah (2004) menunjukkan 88.6% daripada 4345 responden bersetuju bahawa penyebaran fatwa dalam kalangan masyarakat masih lemah.

Bertitik tolakkan daripada keadaan ini, institusi fatwa sewajarnya memperbaiki platform penyampaian fatwa dengan memanfaatkan segala penggunaan teknologi secara maksimum. Apatahlagi perkara ini juga dititik beratkan oleh Seri Paduka Baginda Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah (2020) semasa bertitah merasmikan pembukaan Multaqa Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia yang telah diadakan pada 21-23 September 2020 dengan harapan supaya mekanisme penyebaran dan penjelasan fatwa harus dilaksanakan melalui penggunaan teknologi dalam rencana komunikasi yang lebih efektif agar fatwa dapat difahami, diterima dan dihayati. Bahkan hasil dari persidangan tersebut, 10 resolusi telah digariskan untuk memperkasakan institusi fatwa di negara ini dan salah satunya menyentuh penggunaan teknologi terkini dalam pengeluaran dan penyampaian fatwa di Malaysia (Berita RTM, 25 Oktober 2020).

Penyebaran fatwa oleh Institusi fatwa sewajarnya tidak hanya berakhir melalui warta kerajaan sahaja malahan inisiatif hebahan melalui platform media terkini seperti facebook, instagram, youtube dan juga laman web rasmi institusi fatwa itu sendiri perlu dilakukan dengan lebih aktif. Media sosial adalah platform yang perlu diterokai secara lebih agresif apatahlagi generasi hari ini dibesarkan dengan kemudahan teknologi maklumat. Hal ini kerana tidak semua jabatan Mufti mempunyai Facebook untuk menyebarkan fatwa dan hasil analisis oleh Ashaari et al. (2020) menunjukkan bahawa hanya Jabatan Mufti Perlis, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan yang aktif menggunakan Facebook. Manakala bagi aplikasi telefon pintar rasmi yang mengumpulkan fatwa dari jabatan fatwa hanya disediakan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Jabatan Mufti Pulau Pinang (Khairuldin et al., 2018). Sementara itu, sebilangan mufti dengan inisiatif sendiri mempunyai media lain selain Facebook rasmi jabatan untuk menyebarkan kuliah-kuliah mereka. Contohnya, bekas Mufti Negeri Persekutuan Datuk Dr. Zulkifli al-Bakri dan Datuk Dr Mohd Asri Zainal Abidin, Mufti Perlis mempunyai Facebook dan Instagram peribadi yang memaparkan kuliah-kuliah serta penjelasan fatwa mereka selain disiarkan juga secara langsung oleh pihak-pihak lain. Selain

perkongsian berkenaan fatwa di media sosial, kuliah-kuliah agama, soal jawab pandangan mufti, nasihat agama malah aktiviti kemasyarakatan hendaklah diperbanyakkan supaya mampu menarik masyarakat untuk sentiasa mengikuti perkembangan institusi tersebut. Sejak akhir-akhir ini, tokoh-tokoh masyarakat yang bukan sekadar menyebarkan dakwah Islam bahkan sering melakukan aktiviti kemasyarakatan mendapat tempat di hati rakyat Malaysia. Justeru, mufti-mufti dan ahli-ahli jawatan kuasa fatwa negeri yang lain juga seharusnya menonjolkan diri di media-media sosial supaya dikenali dan diikuti oleh masyarakat. Apatahlagi dengan kehadiran teknologi ini menyebabkan tahap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Malaysia bertambah baik (Rahman et al., 2016; Buang & Che Rosli, 2017; Shamsudin et al, 2018).

Dalam pada itu, institusi fatwa negeri seharusnya memanfaatkan guru-guru takmir sebagai wakil institusi fatwa untuk menyebarkan fatwa serta memberi penjelasan fatwa kepada masyarakat supaya masyarakat tahu kewujudan fatwa-fatwa lama dan sentiasa cakna terhadap fatwa-fatwa terbaru. Umum mengetahui bahawa kebenaran tauliah mengajar bagi sesebuah negeri diletakkan di bawah kuasa Jabatan mufti negeri. Sehubungan dengan itu, sangatlah wajar bagi jabatan mufti negeri memanfaatkan kewujudan guru-guru takmir yang sentiasa bergerak di seluruh pelusuk negeri menyampaikan pengajian dan dakwah di masjid dan surau supaya mereka dapat menyampaikan fatwa-fatwa yang baru diputuskan agar masyarakat sentiasa cakna terhadap fatwa-fatwa baru. Apatahlagi guru-guru takmir ini kebanyakannya kelulusan pengajian Islam dan telah melalui ujian serta temuduga oleh jabatan mufti negeri sebelum dianugerahkan tauliah mengajar. Tindakan-tindakan seperti ini penting untuk memastikan masyarakat Islam menyedari fatwa-fatwa semasa.

### **Penjelasan Fatwa**

Secara umumnya, tinjauan literatur yang telah dibuat menunjukkan perbezaan atau ketidak selaras antara negeri menjadi sebab sesuatu fatwa ditolak dan diabaikan. Dalam menangani masalah ketidakselarasan fatwa di Malaysia, pelbagai kajian telah dilaksanakan sejak dahulu namun hingga kini matlamat untuk menyatukan keputusan fatwa dari peringkat persekutuan ke negeri-negeri masih belum tercapai. Halangan enakmen di negeri-negeri, uruf setempat, latarbelakang pendidikan yang berbeza di kalangan mufti dan kelemahan garis panduan yang disediakan oleh JAKIM merupakan faktor-faktor yang membawa kepada masalah tersebut (Miziazam et al., 2018). Lantaran itu, selain usaha pelarasan fatwa secara berterusan, institusi fatwa juga perlu melihat kepada aspek yang lain dalam menghadapi masalah ini iaitu menyuburkan budaya ilmu dengan mempergiatkan penjelasan fatwa secara

berhemah sehingga masyarakat faham dan jelas keputusan fatwa yang telah dibuat. Dalam pada itu, usaha-usaha memberikan penjelasan terhadap fatwa yang dikeluarkan oleh Institusi fatwa Malaysia masih lagi berkurangan (Salwa, 2003; Kasan, 2008). Sedangkan penjelasan yang baik akan mampu menghilangkan kekeliruan masyarakat sekalipun wujudnya fatwa yang berbeza-beza di peringkat negeri.

Objektif daripada penyuburan budaya ilmu ini supaya dapat mendidik masyarakat agar meraikan perbezaan antara fatwa yang telah dibuat sehingga perbezaan fatwa-fatwa negeri tidak lagi dianggap sebagai kekeliruan sebaliknya sebagai rahmat dan rukhsah sepetimana penerimaan masyarakat terhadap perbezaan dalam bermazhab dalam Islam. Tidak dinafikan fenomena taasub mazhab pernah berlaku dalam dunia Islam namun apabila penjelasan demi penjelasan dibuat oleh ulama-ulama mazhab terdahulu dengan menyuburkan budaya ilmu mampu mewujudkan sikap keterbukaan dalam masyarakat Islam. Malahan, pengikut sesuatu mazhab juga beramal dengan pandangan mazhab lain dalam hal-hal tertentu tanpa menganggapnya satu kekeliruan keputusan oleh ulama-ulama mazhab akan tetapi menerimanya sebagai satu rahmat dan juga rukhsah buat dirinya. Sememangnya natijah begini memerlukan usaha yang gigih yang semestinya didahului oleh para mufti, ahli-ahli jawatankuasa fatwa serta tokoh agamawan dengan bukan sahaja memberikan penjelasan fatwa dengan penuh adab dan profesional malah menjawab fatwa yang bertentangan secara ilmiah selain melakukan bermuzakarah dengan institusi-institusi fatwa negeri lain.

Sebaliknya, perbezaan pandangan berkenaan sesebuah fatwa antara tokoh-tokoh agamawan dan ahli-ahli politik yang tidak diurus dengan betol dengan menjadikan media sebagai medium untuk menguar-uarkan pergeseran pandangan antara mereka menambahkan lagi kekeliruan masyarakat terhadap sesebuah fatwa (Rahman, 2018). Ini secara tidak langsung akan menanam bibit-bibit kebencian dan perpecahan dalam kalangan pengikut. Tokoh-tokoh agamawan sewajarnya lebih berhati-hati dalam berinteraksi dengan sesuatu perbezaan kerana akan memberi kesan kepada pegangan pengikutnya. Sekiranya pendekatan budaya ilmu diperaktikkan, dengan memberikan penjelasan fatwa dengan baik, menjawab fatwa-fatwa yang bertentangan dengan penuh adab, mendidik masyarakat untuk menerima perbezaan dalam Islam, dengan berbuat demikian maka alasan ketidakselarasan fatwa ini tidak lagi akan menjadi isu yang membawa kepada penolakan fatwa oleh masyarakat. Bahkan masyarakat boleh menerima perbezaan dan hidup dengan lebih harmoni tanpa sangka jahat dan pandangan yang rendah sesama sendiri. Lebih-lebih lagi dalam konteks Malaysia, keputusan-keputusan fatwa kesemuanya berdasarkan usul-usul mazhab Syafie melainkan negeri Perlis sahaja yang menerima pandangan mana-mana mazhab ahli sunnah yang lebih

rajih dalam pendalilan sesuatu masalah sebagai keputusan fatwa negeri tersebut. Secara tuntasnya, penyuburan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat perlu dipergiatkan oleh institusi-institusi agama dan institusi-institusi fatwa dan tempat pengajian di Malaysia dengan pendedahan tatacara berinteraksi antara perbezaan pandangan dalam Islam berbanding usaha menyatukan satu pandangan sahaja dalam sesuatu keputusan fatwa.

### **Penulisan Fatwa**

Nukilan-nukilan di dalam tinjauan lepas menunjukkan masyarakat lebih cenderung untuk menolak fatwa yang dikeluarkan tanpa dalil-dalil perbahasan dan rujukan yang jelas (Kasan, 2008; Buang 2012). Tambahan pula, penulisan fatwa yang mudah tanpa dalil-dalil perbahasan dan rujukan akan menambahkan keraguan masyarakat terhadap kredibiliti sesuatu keputusan fatwa (Salwa, 2004; Buang 2012; Nawi, 2014; Buang, 2016). Institusi fatwa perlulah memperbaiki metodologi penulis fatwa supaya lebih lengkap dan meyakinkan. Tidak dinafikan penyebaran keputusan fatwa yang ringkas dengan bahasa yang mudah di warta kerajaan yang telah diamalkan sejak dahulu lagi bertujuan untuk memudahkan masyarakat mengetahui terus sesuatu hukum. Walaupun bentuk keputusan fatwa yang ringkas adalah untuk tujuan pendokumentasian pewartaan fatwa semata-mata, namun penulisan fatwa yang lengkap dengan perbahasan dan rujukan perlu juga disusuli di platform-platform penyebaran fatwa yang lain supaya golongan masyarakat yang mementingkan hujah dan pendalilan sebelum beramal dapat merujuk dan membandingkan dengan fatwa yang berlainan. Institusi fatwa perlu memperbaiki metodologi penulisan fatwa supaya lebih tersusun dan didokumentasikan secara sistematik (Salwa, 2003; Kasan, 2008).

Sehingga hari ini, metodologi penghasilan dan penyampaian fatwa oleh bekas Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr. Zulkifli al-Bakri yang memutuskan sesuatu fatwa dengan sokongan daripada penjelasan hujah-hujah dalil syarak dan rujukan terperinci serta mengupas sesuatu isu secara bebas, adil tanpa kontroversi menjadikan beliau antara mufti yang dihormati dan pandangan malah fatwanya di nanti-nanti oleh masyarakat (Ashaari et al., 2020). Antara metodologi penulisan fatwa oleh beliau adalah; mengemukakan pendapat ulama sama ada yang menyokong atau menentang sekiranya ada dengan disertakan sumber rujukan dari kitab-kitab. Seterusnya mendatangkan dalil-dalil dan hujah mereka sama ada rujukan primer dan sekunder. Selanjutnya melihat kepada *istidlal* dan *istinbat* yang telah ulama-ulama tersebut lakukan. Selepas itu, merujuk juga kepada fatwa-fatwa dan terkini sekiranya ada. Lebih penting lagi adalah mentarjihkan pandangan berdasarkan kekuatan dalil dan hujah berdasarkan asas dan kaedeh mazhab Syafie. Akhirnya barulah mendahulukan kemaslahatan yang lebih banyak dan bersifat umum dengan

meraikan *waqi'* dan reality kehidupan sebenar serta mengambil kira prinsip *Maqasid al-Syariah* (Mohamad al-Bakri, 2019).

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Sebagai rumusan daripada kajian ini, dapat disimpulkan bahawa tahap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Malaysia masih lagi rendah. Manakala faktor utama yang mempengaruhi tahap penerimaan tersebut adalah penyampaian fatwa, penjelasan fatwa dan penulisan fatwa. Segala penambahbaikan dan pembaharuan dalam institusi fatwa hendaklah dibuat dengan merujuk kepada faktor-faktor tersebut terlebih dahulu seperti yang dibahaskan oleh pengkaji di dalam perbincangan kajian sebelum ini. Untuk memperkasakan lagi kajian dalam penerimaan Fatwa di Malaysia, beberapa kajian lanjut perlu dilakukan. Antaranya, kajian emperikal perlu dilakukan lagi untuk mengetahui samada masalah penyampaian fatwa berpunca daripada kaedah penyampaian yang tidak berkesan atau sikap masyarakat yang tidak mementingkan isu fatwa di Malaysia selain mengkaji solusi bagi permasalahan tersebut.

Di samping itu, kajian terhadap penerimaan teknologi sebagai platform penyampaian fatwa perlu diteruskan lagi dengan lebih mendalam untuk mengetahui kesan penggunaan teknologi terhadap penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat sekaligus membantu penambahbaikan penggunaan teknologi oleh institusi-institusi fatwa di Malaysia. Selain itu, populasi kajian juga perlu diperluaskan lagi tanpa mengehadkan kepada latar belakang responen yang tertentu dan tidak menfokuskan negeri-negeri tertentu sahaja. Kajian yang menyeluruh dengan mengadaptasi teori dan model yang betol perlu dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap penerimaan masyarakat Muslim Malaysia terhadap fatwa dengan lebih tepat.

## RUJUKAN

- Abdullah, R. 2004. "Fatwa dan Masyarakat". Fatwa di Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya. p. 142–162.
- al-Qaradhawi, Y. 1988. "al- Fatwa bayna ak-Indibat al-Tasayyub". Qaherah: Dar al-Safwah Lilnasyr wa tauzi'.
- al-Zaybari, A. S. 1995. "Mabahis fi Ahkam al-Fatwa". Beirut Lebanon: Dar Ibn Hazm.

- al-Zuhayli, W. 1996. "Usul Fiqh al-Islami". jil. 2, Beirut: Dar al-Fikr al-Ma'asir .
- Ashaari, M. F., Rasit, R. M., Ismail, Z., & Ramzy, M. I. (2019). "Islamic discourse in the facebook of mufti departments in Malaysia | Wacana islam di facebook jabatan-jabatan mufti Malaysia". *International Journal of Islamic Thought*, 17(1), 66–77. <https://doi.org/10.24035/IJIT.17.2020.170>
- Asuhaimi, F.A, Pauzai, N.A, Makhtar, M, Asari, K. 2017. "The Role and Position of Fatwa in Malaysian Court". *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. Vol. 25(S). March. p 227-238.
- Bakar, M. D. 1997. Instrumen fatwa dalam perkembangan perundangan Islam. *Jurnal Syariah*, 5(1), 81–98.
- Blanche and Durrheim. 1999. "Research in Practice". Cape Town: University of Cape Town Press.
- Buang, A.H. 2000. "Analisis Fatwa-fatwa Semasa Di Malaysia". Kertas kerja Seminar Kakitangan Jabatan Syariah Dan Undang-undang di APIUM, 9 September 2000.
- Buang, A.H. 2012. "Ke Arah Membangun Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Malaysia: Skop dan Kandungan", paperwork presented at *Muzakarah Pakar; Garis Piawaian Panduan dan Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan* . Date: Oktober 24 10, 2012 (Rabu), at USIM Malaysia.
- Buang, A.H. 2016. "Memperkuat kredibiliti institusi fatwa dalam menghadapi cabaran semasa di Malaysi", paperwork presented at *Contemporary Fatwa Issues Seminar: Contemporary Fiqh in Facing Current Reality of Malaysian Society*. Date: March 10, 2016 (Thursday), at IAIS Malaysia.
- Buang, A. H., & Che Rosli, C. R. (2017). "Persepsi dan Penerimaan Mahasiswa Terhadap Fatwa Negeri Selangor". *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1), 129–147. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol9no1.44>
- Elkalmi, R. M., Alkoudmani, R. M., Elsayed, T. M., Ahmad, A., & Khan, M. U. 2016. "Effect of Religious Beliefs on the Smoking Behaviour of University Students: Quantitative Findings From Malaysia". *Journal of Religion and Health*, 55(6), 1869–1875. <https://doi.org/10.1007/s10943-015-0136-0>
- Fink, A. (1998). "Conducting Research Literature Reviews: From Paper to Internet". Thousand Oak: Sage, h. 3.
- Gilani, S. M. Y. (2011). "Jurists and legislators in Islam: Origins and classification of the ulama". *Contemporary issues in Islamic Law*. p. 212-234. New Delhi, India: Serial Publications
- Ibrahim, B., Arifin, M. & Abd Rashid, S. Z. 2015. "The Role of Fatwa and Mufti in Contemporary Muslim Society". *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. Vol. 23 (S). p 315-326.
- Irwan, M. S., Nuradli Ridzwan Shah, M. D., Azman, A. R., Mohamad Zaharuddin, Z., Ahmad Wifaq, M., & Anas, M. B. 2017. "Penerimaan dan

- Kepatuhan Masyarakat Muslim di Selangor Terhadap Fatwa-fatwa Akidah yang Telah Diputuskan". Nilai, Negeri Sembilan.
- Ishak, O. 1981. *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Fajar Bakti.
- Ismail, S.Z. 2010. "Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Academy of Islamic Studies University of Malaya. Vol. 18. (2). p. 247-276.
- Jakim. Pandangan hukum yang diputuskan di peringkat Jawatankuasa Muzakarah MKI dan Jawatankuasa Kuasa Fatwa Negeri-Negeri. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/3>. accessed: 27 January 2021.
- Kamarudin, A, Solahuddin, A. H., Dahlan, M. A., Zain, A. M., Rahman, M. N. A., & Paidi, Z. 2017. "Reaksi Masyarakat Terhadap Keputusan Fatwa Berdasarkan Model Penilaian Kickpatrick". *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. Vol 2(6): 363-371.
- Kasan, H. 2008. "*Institusi fatwa di Malaysia*". Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krippendorff, Klaus. 2004. "*Content Analysis: An Introduction To Its Methodology*". California: Sage.
- Majid, M.Z.A. 2004. "Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Academy of Islamic Studies University of Malaya. Vol. 12. (2). p. 79-93.
- Marzali, A. 2016. "Menulis Kajian Literatur". *Jurnal Etnografi Indonesia*. Vol. 1. No.2.
- Mat Salleh, M. K., Samuri, M. A. A., & Mohd Kashim, M. I. A. (2018). "Fatwa Sebagai Rujukan dan Autoriti di Mahkamah Sivil Malaysia". *Journal of Fatwa Management and Research*, 11(1), 1–25. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol11no1.5>
- Mat Salleh, M. K., Samuri, M. A. A., & Mohd Kashim, M. I. A. (2016). "Kedudukan Fatwa Dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti Di Mahkamah Syariah Malaysia The Position of Fatwa and Mufti Opinion as Authority in". *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(1), 1–23.
- Md Yusof, A. F., & Wook, I. 2018. "Fatwa: Kedudukannya di Mahkamah Sivil". *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1), 24–38. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol9no1.37>
- Miziazam, M., Sulaiman, M., & Ahmad, H. (2018). "Penyelarasan Fatwa Dan Kaedah Penyelesaiannya Di Malaysia : Suatu Kajian Literatur ( The Coordination of Fatwas And Its Solution In Malaysia : A Literature Review)". *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 1(4), 22–35.
- Mohamad al-Bakri, Z. 2019. "Bayan Linnas Siri Ke-179: Metodologi Jawapan Hukum Dan Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan". *Laman Web Rasmi*

- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.  
<<https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3440-bayan-linnas-siri-ke-179-metodologi-jawapan-hukum-dan-fatwa-mufti-wilayah-persekutuan>>. accessed: 10 Disember 2020.
- n.a. 1997. "Streamlining Syariah law on 'indecent behaviour". *New Strait Times*. < [http://lib.perdana.org.my › News\\_1968-2004 › 1997pz](http://lib.perdana.org.my › News_1968-2004 › 1997pz)>. accessed: 15 Disember 2020.
- Nasohah, Z. 2005. "Undang-Undang Penguasaan Fatwa di Malaysia". *Jurnal Islamiyyat*. Vol 27 (1). p 25-44.
- Nawi, N.A.M. 2014. "Mobile Fatwa (M-Fatwa): The Integration of Islamic Fatwa Through Mobile Technology". *Turkish Online Journal of Distance Education*. Vol 15. p 108-116.
- Rahman, M. N. A., Zain, A.M., Hamid, S.A., Ahmad, K., Paidi, Z. & Dahaman, M. A. 2018. "Antara Fatwa Dan Petua Dalam Masyarakat Melayu: Satu Kajian Penilaian". *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. p 263-271.
- Rosele, M. I., Abdullah, L. H., Ismail, P. H., & Ramli, M. A. 2013. "Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal". *Jurnal Fiqh*. Vol. 10 . p 31-56.
- Salwa, H. (2003). "Institusi Fatwa: Peranan dan Pelaksanaan Terhadap Masyarakat Islam di Selatan Thailand [Fatwa Institutions: The Role and Implementation among Muslims in Southern Thailand]". Tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shah, M.F.M. 2013. "Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa: Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010". (Master Thesis). Jabatan Fiqh Dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Shamsudin, S. N., Mohd Subri, I., & Mohd Dali, N. R. S. 2018. "Penerimaan Media Atas Talian Sebagai Medium Penyampaian Fatwa dalam Kalangan Masyarakat Muslim Selangor: Satu Tinjauan Awal". *Journal of Fatwa Management and Research*, 10(1), 73–88. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.30>
- Shuaib, F. S. 2010. *Administration Of Islamic Law In Malaysia*. Petaling Jaya: Lexis Nexis.
- Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, 2020. "Ke Arah Memartabatkan Institusi Fatwa", *Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah At Multaqa Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia*. Date; September 22, Sama-sama Hotel, KLIA.
- Suratem, N.A., Hamid, S., Rahman, N.N.A. 2015. "JAKIM's E-Fatwa as a New Platform of Fatwa Dissemination in Malaysia", paperwork presented at

*International Seminar on Media and Dakwah.* Date: 24 November 2015 at USIM.

- Yong, H. H., Hamann, S. L., Borland, R., Fong, G. T., & Omar, M. 2009. "Adult smokers' perception of the role of religion and religious leadership on smoking and association with quitting: A comparison between Thai Buddhists and Malaysian Muslims". *Social Science and Medicine*, 69(7), 1025–1031. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2009.07.042>
- Yong, H.H, Hamann, S.L, Borland, R.,Fong, G.T & Omar, M. 2009. "Adult smokers' perception of the role of religion and religious leadership on smoking and association with quitting: A comparison between Thai Buddhists and Malaysian Muslims". *Social Science & Medicine Journal*. Vol. 69. October. p. 1025-1031.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*